

# Pasukan khas ditubuh awasi syarikat PKEN-PM

UM 3 MAY 1986

ALUR SETAR 2 Mei — Kerajaan telah menubuhkan sebuah pasukan di Kementerian Kewangan terdiri dari orang-orang yang berpengalaman dalam bidang pengurusan dan kewangan bagi mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diinginkan dan menyelamatkan syarikat-syarikat di bawah Perbadanan Kemajuan Iktisad negeri-negeri daripada kerugian, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan petang semalam.

Perdana Menteri mengesahkan lebih 900 buah syarikat milik kerajaan-kerajaan negeri dan pusat sekarang mengalami kerugian yang kadang-kala amat teruk kerana tidak diuruskan dengan sempurna.

Menurutnya, terdapat juga pengurus dan pengarah syarikat-syarikat berkenaan yang terlibat dengan kegiatan tidak diinginkan seperti perbuatan rasuah dan sebagainya.

Berucap merasmikan bangunan Wisma PKNK

berharga \$15 juta di sini petang semalam, Datuk Sri Dr. Mahathir dukacita kerana masih terdapat amalan-amalan yang tidak sihat di kalangan orang-orang yang menguruskan syarikat-syarikat yang dimiliki atau disertai oleh perbadanan tersebut.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz, Menteri Besar, Datuk Paduka Haji Osman Aroff dan bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Sri Syed Nahar Shahabuddin.

Perdana Menteri menjelaskan, apabila kerajaan memutuskan untuk mema-

suki bidang perniagaan tugas dan tanggungjawab kerajaan ialah dalam bidang pentadbiran semata-mata yang mana kerajaan dan pegawai-pegawainya tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman.

Oleh itu, menurutnya, pada mulanya didapati banyak perkara-perkara yang mudah sepatutnya dibuat atau dijalankan tetapi banyak syarikat yang ditubuh kemudiannya membesar kerana tambahan modal oleh pihak kerajaan akhirnya telah gagal dengan kerugian yang amat besar.

Beliau menielakan

perkara ini berlaku disebabkan pertamanya pegawai-pegawai yang ditugaskan mengurus syarikat-syarikat itu tidak mempunyai pengalaman atau pengetahuan.

Beliau menambah, kadang-kala mereka terjebak di dalam perangkap yang disediakan oleh pihak lain bagi memperlakikan mereka untuk kepentingan-kepentingan lain.

Katanya, kadang-kala ada pula mereka terlibat dalam perbuatan yang salah dari segi undang-undang di samping terlibat dengan rasuah dan sebagainya.